

RABIAN (kiri) bersama Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail (dua dari kanan) pada Pelancaran Pusat Services Volvo 3S.

**Petaling Jaya**

### Labur RM5 juta buka pusat 3S

Ingress Corporation Berhad melalui anak syarikatnya Ingress Swede Automobile, pengedar kenderaan jenama Volvo di negara ini memperuntukkan pelaburan RM5 juta bagi pembukaan pusat jualan, servis dan alat ganti (3S) pertamanya.

Presiden Bahagian Pengedaran Autonya, Rabian Ab Rahman berkata, selepas menjadi pengedar untuk jenama BMW, Mini dan Mitsubishi, pihaknya melihat Volvo sebagai antara jenama premium yang berpotensi untuk berkembang.